

Kesan Ramadan kepada perokok

OLEH ZUARIDA MOHYIN
GAMBAR HUSIN IBRAHIM

TIMBALAN Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Nidzamuddin Zakaria menggalakkan umat Islam terutamanya menggunakan Ramadan yang lalu sebagai pemangkin diri untuk meninggalkan tabiat buruk merokok yang membinasa dan merugikan.

Ujar beliau, setidak-tidaknya, ia dapat mengurangkan kuantiti pengambilannya dengan tekad dan harapan untuk meninggalkannya terus suatu hari nanti.

Aku Nidzamuddin, tentunya setiap pengorbanan dan keperitan duniawi pasti diganjar Allah s.w.t dengan pahala yang agung dan nikmat yang kekal abadi di hari akhirat nanti.

Bulan Ramadan yang berlalu hakikatnya adalah program yang agung dari Allah s.w.t selaku Pencipta sekalian manusia agar mereka dapat menahan diri dari segala sesuatu yang dilarang oleh agama atau didorong oleh keinginan nafsu dan godaan syaitan.

"Hikmat dan fadilat yang terserlah di sebalik musim Ramadan yang lepas adalah kita terdidik dengan sifat-sifat mahmudah dan terkikis dari sifat-sifat mazmumah.

"Ramadan mengajar kita erti kesabaran, bersederhana, melawan hawa nafsu, memboikot hasutan keji yang bermain di minda kita dan menepis ketamakan makan, minum dan seks serta mengajar diri kita untuk berkorban demi meraih reda dan keampunan daripada Allah s.w.t.," kata Nidzamuddin kepada *Mega*, baru-baru ini.

Ramadan hakikatnya adalah hari-hari pengorbanan seseorang insan yang beriman kepada Tuhan untuk meninggalkan kebiasaan-kebiasaan yang membazir atau merosakkan.

Salah satu daripada pelajaran bermakna yang terkandung dalam 'silibus Ramadan' lalu adalah meninggalkan tabiat merokok atau mengurangkan pengambilannya setelah Ramadan kerana salah satu strategi untuk berhenti merokok adalah dengan berpuasa.

Ini kerana katanya, berpuasa merupakan satu usaha pembentukan sahsiah diri ke arah yang lebih sempurna. Justeru, bulan puasa yang lalu sepatutnya dimanfaatkan untuk tujuan ini dan membuang tabiat yang merugikan itu.

Apatah lagi, Allah s.w.t. melarang pembaziran dan pemborosan harta, lebih-lebih lagi pada jalan yang memudaratkan dan merosakkan diri. Allah berfirman bermaksud: *Janganlah menghambur-hamburkan harta kepada apa apa yang tidak bermanfaat kerana orang*

yang membazir adalah saudara syaitan sedangkan syaitan itu kufur kepada Tuhannya. (al-Isra': 27).

Tegas Nidzamuddin, sekiranya didikan Ramadan benar-benar menyerap dan meresap ke sanubari manusia, mereka akan meninggalkan segala bentuk tabiat syaitan lantaran Ramadan itu adalah terjemahan kepada pemusuhannya yang nyata dan terang-terangan dengan syaitan. Apa guna kita bermusuh dengan syaitan di bulan Ramadan kemudian kembali mengikuti jejak dan langkahnya selepas berakhir bulan Ramadan?

Allah berfirman: *Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalinya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan.* (an Nisa': 5)

Oleh itu, kita dilarang menyerahkan harta kita kepada mereka yang tidak sempurna akalinya kerana pemborosan yang mereka lakukan maka begitulah juga mengeluarkan harta untuk membeli rokok merupakan satu pemborosan dan merosakkan bagi dirinya.

Tambahan pula katanya, rokok ini mempunyai kandungan nikotin (setiap hisapan sebatang rokok mewakili 1 miligram nikotin yang terserap ke dalam badan) tentulah mengundang kemudratan dan risiko yang berbahaya kepada penghisapnya. Malah, setiap batang rokok yang dinyalakan akan mengeluarkan



NIDZAMUDDIN ZAKARIA

lebih 4,000 bahan kimia beracun yang membahayakan dan boleh membawa maut.

Nabi Muhammad s.a.w melarang umatnya menceburkan diri mereka dalam perkara yang membahayakan dengan tegasan bermaksud: *Tidak (boleh melakukan/menggunakan sesuatu yang) berbahaya atau membahayakan.* (Riwayat Ahmad, Malik dan al-Tirmizi). Malah Allah s.w.t. juga berfirman: *Dan janganlah kamu membunuh diri kamu, sesungguhnya Allah itu Maha Penyayang.*